

BAB V

BAB V

PENUTUP

A. Kesimpulan-kesimpulan

1. Kesimpulan Khusus

Hasil daripada analisis terhadap Dato' Haji Muhammad bin Nasir dan sumbangan beliau kepada bidang pendidikan Islam dapatlah disimpulkan seperti berikut :

- a. Dato' Haji Muhammad bin Nasir dilahirkan daripada keluarga yang terkedepan di dalam pendidikan dan mempunyai kerjaya yang baik. Ayahnya Kulob Muhammad Nasir bin Malim Padek pernah menjawat jawatan sebagai Pegawai Kerani dan Tukang Sukat Tanah. Ayah beliau juga fasih berbahasa Tiong Hua (Cina) dan Bahasa Inggeris.
- b. Dato' Haji Muhammad bin Nasir merupakan tokoh agama yang mempunyai pengetahuan akademik yang mendalam dan dapat menguasai Bahasa Inggeris. Beliau adalah di antara anak Melayu yang banyak menggunakan bahan rujukan agama berbahasa Inggeris.

- c. Dalam bidang pendidikan, Dato' Haji Muhammad bin Nasir melalui lima peringkat: peringkat awalnya, belajar di sekolah Inggeris dan mempelajari al-Qur'an. Peringkat kedua, belajar di sekolah agama Sekolah Majlis Agama Islam Kelantan. Peringkat ketiga, belajar di Royal English School, Kuala Krai. Peringkat keempat, menuntut ilmu pertanian di Maktab Pertanian, Serdang, Selangor. Peringkat kelima, mempelajari dan mendalami ilmu agama dengan Maulana Haji Abdullah Noh.
- d. Dato' Haji Muhammad bin Nasir terkenal sebagai seorang tokoh yang mencintai ilmu pengetahuan. Beliau banyak mengorbankan tenaga, masa dan wang ringgit di dalam meninggikan martabat Pendidikan Islam khususnya di Kelantan dengan mengasaskan pusat-pusat pendidikan Islam seperti Sekolah Menengah Ugama (Arab) al-Balaghul Mubin.
- e. Beliau mengharungi bidang kerjaya yang mencabar dan memerlukan idea-idea yang membina. Kerjaya pertama beliau ialah Penolong Pertanian (Agriculture Assistant). Semasa berpolitik, beliau menjawat jawatan yang penting iaitu Timbalan Menteri Besar, Menteri Besar, Menteri Perusahaan Awam dan Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri.

- f. Beliau merupakan pemimpin yang disanjungi oleh masyarakat Kelantan kerana beliau sentiasa mengadakan lawatan-lawatan ke kampung-kampung dan sentiasa bersedia mendengar permasalahan rakyat dan cuba dengan sedaya upaya menyelesaikannya.
- g. Dato' Haji Muhammad bin Nasir menghadapi tribulasi di dalam berpolitik. Peristiwa yang besar berlaku ke atas beliau ialah pemecatan keahlian PAS dan cubaan melucutkan jawatannya sebagai Menteri Besar. Ini membawa kepada penubuhan Parti BERJASA yang menjadi parti alternatif.
- h. Dato' Haji Muhammad bin Nasir memberi sumbangan yang besar kepada pendidikan Islam berbentuk formal. Antara sumbangan beliau ialah mengasaskan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), sekarang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya cawangan Nilam Puri. Beliau juga merupakan pengasas dan penaung kepada Sekolah Menengah Ugama (Arab) al-Balaghul Mubin, Institut Pendidikan al-Balaghul Mubin Sultan Haji Omar Ali Saifuddin dan Tadika PIHAMAR. Selain dari itu, beliau dilantik menjadi penasihat kepada Taski RIPAS al-Mardhiah (sekarang Pasti RIPAS al-Mardhiah).

- i. Pusat-pusat pengajian tersebut memberi impak yang besar kepada pendidikan Islam khususnya di Kelantan sehingga dapat melahirkan tokoh-tokoh akademik yang berwibawa. Selain daripada itu, penubuhan pusat-pusat pendidikan Islam tersebut dapat mengubah minda masyarakat ke arah mencintai dan menghayati ilmu pengetahuan.
- j. Dato' Haji Muhammad bin Nasir mempelopori sistem pendidikan Islam bersepadu dengan mencampurkan akademik dengan agama. Beliau juga turut memberi penekanan kepada pengajian tafsir al-Qur'an. Selain dari itu, beliau memperkenalkan asas-asas pertanian kepada semua peringkat pelajar.
- k. Hasil dari kewujudan Institut Pendidikan al-Balaghul Muhibbin Sultan Haji Omar Ali Saifuddin yang menjalankan pengajian tafsir al-Qur'an, telah berjaya melahirkan pelajar yang hafal al-Qur'an.
- l. Dato' Haji Muhammad bin Nasir turut memberi sumbangan kepada pendidikan Islam berbentuk informal dengan mengadakan kuliah-kuliah agama di masjid-masjid. Kuliah beliau adalah berpandukan kepada Khulasah al-Qur'an yang berasaskan pengajaran Shah Waliyyu 'Llah al-Dehlawi.

- m. Beliau juga turut memberi sumbangan kepada pendidikan Islam melalui penulisan buku-buku Islam. Antaranya Manusia Naik ke Bulan dari Kacamata al-Qur'an, Usul Lima, Janji dan lain-lain. Beliau menyebarkan maklumat kepada masyarakat di Kelantan melalui majalah 'Pengasuh' dan majalah 'al-Islam'.
- n. Usaha Dato' Haji Muhammad bin Nasir menubuhkan pusat-pusat pendidikan mendapat sokongan pihak istana Kelantan dan kerajaan negeri serta masyarakat setempat. Beliau juga berjaya mendapatkan sumbangan daripada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah (al-Nur) untuk membiayai pembinaan bangunan-bangunan di pusat-pusat pendidikan Islam.
- o. Sumbangan Dato' Haji Muhammad bin Nasir dalam pendidikan Islam dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat Kelantan dan telah meningkatkan kematangan masyarakat dalam bidang keagamaan.
- p. Tahun 1960an, bermula era perkembangan pendidikan Islam di Kelantan hasil daripada penglibatan Dato' Haji Muhammad bin Nasir dalam bidang politik dan pendidikan.

- q. Selama 25 tahun berkhidmat dalam bidang politik, beliau telah banyak membuat pembaharuan dan perubahan dalam bidang pendidikan terutamanya bidang keagamaan.
- r. Dato' Haji Muhammad bin Nasir tidak pernah putus asa di dalam mengembangkan pendidikan Islam walaupun beliau pernah digugurkan keahliannya dalam Parti Islam seMalaysia (PAS) dan berhadapan dengan cubaan untuk menjatuhkan beliau dari jawatan Menteri Besar.
- s. Aliran pemikiran beliau dalam bidang ilmu dan pendidikan diterima oleh masyarakat Kelantan kerana ia sesuai dengan Islam.

2. Kesimpulan Umum

- a. Kemasukan Islam di Kelantan pada tahun 1181 M telah memperkenalkan Kelantan kepada dunia luar sehingga ia dikenali dengan nama "Serambi Mekah."
- b. Pemerintah-pemerintah Kelantan telah melaksanakan dasar-dasar Islam sehingga Islam berkembang di Kelantan dengan pesatnya.

- c. Pendidikan yang dilaksanakan di Kelantan adalah sejajar dengan kehendak pendidikan nasional iaitu mewujudkan masyarakat maju dan adil serta mengembangkan idea yang sama di sudut jasmani dan rohani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan yang Esa.
- d. Pada peringkat awal, pendidikan Islam di Kelantan berlangsung dengan cara informal. Ini disebabkan tidak ada sarana dan prasarana yang cukup.
- e. Tenaga pengajar yang mengajar pendidikan Islam di Kelantan pada peringkat awal adalah datangnya dari luar, terutamanya dari Mekah, India dan lain-lain.
- f. Pusat pendidikan Islam di Kelantan pada awalnya ialah istana sultan, masjid, surau dan rumah-rumah maulana.
- g. Pada abad ke-18 M, Masjid Muhammadi, Kota Bharu merupakan tempat tumpuan pengajian pendidikan Islam di Kelantan bagi masyarakat dalam dan luar negeri.
- h. Pada abad ke-19–20 M, sistem pendidikan pondok telah mendapat sambutan yang hangat dari kalangan masyarakat dalam dan luar Kelantan. Pondok yang pertama didirikan ialah Pondok Tok Pulai Chondong yang berada di Pulai Chondong.

- i. Sekitar tahun 1900 M, sistem pendidikan pondok telah mendapat saingan dari sistem pendidikan sekolah yang diasaskan oleh penjajah.
- j. Setelah kedatangan Jepun ke Tanah Melayu pada tahun 1945 M, sistem pengajian pondok telah mengalami kemerosotan sehingga Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan. Terdapat banyak pondok ditukar kepada sistem pengajian sekolah.
- k. Pada tahun 1910 M, Sekolah Madrasah Khairiah, Lorong Tok Semian, Kota Bharu merupakan sekolah agama yang pertama didirikan di Kelantan dan mengajar mata pelajaran al-Qur'an dan Bahasa Arab.
- l. Pada tahun 1915, Majlis Agama Islam Kelantan telah menubuhkan sekolah-sekolah agama di Kelantan di mana pelajaran yang diajarkan adalah pelajaran fardu 'ain dan fardu kifayah semata-mata.
- m. Pada dekad 1940 hingga 1960-an, sekolah yang berada di bawah Majlis Agama Islam Kelantan telah mendapat sambutan yang hangat dari masyarakat terutamanya lepasan pondok kerana ia menjadi wadah semangat nasionalisme.

- n. Pada tahun 1970, sekolah-sekolah agama di Kelantan menghadapi masalah. Ini disebabkan ketidakselarasan pentadbiran, kewangan dan sukanan pelajaran yang akhirnya membawa kepada perubahan pentadbiran. Ia akhirnya diletak di bawah Jabatan Sekolah-sekolah Agama (JASA) pada tahun 1974.
- o. Pada tahun 1983 Yayasan Islam Kelantan (YIK) ditubuhkan dan sekarang hampir keseluruhan sekolah-sekolah agama yang berada di Kelantan berada di bawah kelolaannya.

B. Saranan-saranan

Setelah kita mengetahui sejarah dan liku-liku hidup yang dilalui oleh Dato' Haji Muhammad bin Nasir, sewajarnya bagi kita mengambil pengajaran daripada peristiwa yang berlaku dalam perjalanan hidupnya. Langkah-langkah positif hendaklah difikirkan dan dilaksanakan sedaya mungkin agar hasrat untuk membaiki diri, keluarga dan masyarakat akan dapat dicapai sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.

Sehubungan dengan perkara ini, penulis dalam pengkajian ini cuba mengemukakan dan mengutarkan beberapa saranan, iaitu:

1. Adalah dicadangkan agar kerajaan negeri Kelantan meneruskan sistem pendidikan Islam yang dipelopori oleh tokoh-tokoh ilmuan terdahulu.
2. Golongan pemerintah dan masyarakat hendaklah sentiasa berganding bahu memantapkan sistem pendidikan Islam dengan meningkatkan sarana dan prasarana pusat-pusat pendidikan Islam di bandar dan di pedalaman.
3. Kestabilan politik dan perpaduan hendaklah diwujudkan bagi meninggikan taraf pendidikan Islam masyarakat.
4. Ahli politik hari ini perlulah mengambil iktibar daripada apa yang telah dilakukan oleh tokoh politik terdahulu tentang penglibatan mereka dalam memberi sumbangan kepada perkembangan pendidikan Islam.
5. Dengan sikap yang ditunjukkan oleh Dato' Haji Muhammad bin Nasir menunjukkan kepada kita bahawa fungsi ahli politik ketika itu adalah tempat pergantungan masyarakat dalam segenap bidang. Ini berbeza dengan sekarang ini di mana ahli-ahli politik hanya berfungsi dalam bidang kepolitikan sahaja.

6. Penulis juga menyarankan supaya usaha penulisan ini akan diteruskan oleh orang yang kemudian untuk mengkaji dan menulis mengenai ketokohan tokoh-tokoh politik tempatan khususnya agar ianya dapat diketahui oleh generasi yang akan datang secara terperinci.
7. Untuk mengenang jasa-jasa tokoh politik dan ahli-ahli akademik, penulis mencadangkan kepada pihak-pihak yang berwajib supaya meletakkan nama tempat-tempat yang penting sempena dengan nama mereka. Ini dilakukan supaya jasa-jasa dan pengorbanan mereka menjadi ingatan dan teladan kepada masyarakat contohnya nama-nama jalan, bangunan, jambatan, pusat-pusat pengajian dan sebagainya.
8. Penulis juga mencadangkan kepada pihak muzium negeri, Arkib Negara dan pihak-pihak lain supaya menyimpan dan mengumpul data-data para negarawan tempatan untuk dipamerkan kepada masyarakat. Ini adalah kerana penulis dapati pihak-pihak berkenaan hanya tertumpu kepada beberapa orang tokoh sahaja yang difikirkan perlu.
9. Waris-waris Dato' Haji Muhammad bin Nasir hendaklah menghidupkan semula pusat pendidikan Islam pra sekolah yang diasaskan oleh beliau.

10. Penulis juga ingin mencadangkan kepada kaum keluarga Dato' Haji Muhammad bin Nasir supaya menubuhkan Yayasan Dato' Haji Muhammad bin Nasir bagi mengabadikan namanya dalam sejarah pendidikan Islam.

C. Penutup

Sebagai penutup dari penulisan ini, penulis ingin berseru kepada masyarakat Islam supaya berjuang dan tetap berjuang meninggikan taraf pendidikan Islam untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.